

Hari 22 | Kemerdekaan di Liberia

“Kita di sini kerana mementingkan kemerdekaan” merupakan motto pengasas-pengasas Liberia pada tahun 1822. Mereka merupakan bekas hamba-hamba Amerika dan Caribbean. Negara Afrika Barat ini menikmati kedamaian sehinggalah 1980 di mana rusuhan atas kekurangan makanan telah menyebabkan penggulingan pemerintah pada masa itu. Malangnya, sejak masa itu, Liberia “Tanah orang-orang merdeka”, telah

banyak dimusnahkan oleh perang saudara (1989-1996 dan 2002-2003).

Liberia merupakan negara yang mempunyai pelbagai agama dan suku ethnic. Ia terdiri daripada enam belas suku utama, dan 5% daripada jumlah penduduk digelar orang-orang Americo-Liberia. Ramai orang Muslim yang tinggal di ibukotanya, Monrovia, datang ke Liberia dari negara-negara lain. Kehadiran mereka sangat nyata, dengan adanya banyak masjid, sekolah-sekolah agama Islam dan orang-orang

berpakaian pakaian tradisi Islam. Islam sememangnya bertumbuh di Liberia.

Negara ini tidak maju dan pergelutan di antara suku-suku yang telah menyebabkan perang saudara masih ada. Gereja ini masih sangat baru, dari segi saiz dan juga berapa dalamnya pengalaman Kristiannya. Kepercayaan kafir berleluasa di sini pada masa ini.

Ramai orang-orang Kristian Liberia tidak tahu apa-apa tentang Islam, atau hanya tahu

sedikit sahaja. Perang saudara baru-baru ini telah membangkitkan permusuhan di antara setengah orang-orang Kristian dan Islam. Kerajaan Charles Taylor (1997-2003) menggalakkan amalan Islam, dan pasukan perdamaian UN yang kebanyakannya orang Islam lebih lagi mengelirukan keadaan. Masjid-masjid sedang dibina dan diperbaiki di sekitar negara ini.

“Untuk mengekalkan agama Kristian ... sebagai pengaruh bagi masyarakat Liberia, masyarakat Kristian di Liberia

perlu berusaha lagi dalam membantu orang-orang miskin, melawan amalan rasuah dalam kerajaan, menentang pembunuhan ritual, dan terutamanya berjuang untuk keadilan sosial dan ekonomi untuk orang ramai. Kalau kita tidak menangani gejala-gejala masyarakat ini, Islam akan memenuhi keperluan ini dan agama Kristian akan diketepikan.”

J. Patrick Flomo, The Perspective.

Bahan-bahan Doa:

* Perang saudara Charles Taylor (yang berakhir pada tahun 2003) sememangnya mempunyai unsur-unsur keagamaan yang tersirat. Berdoalah agar pesanan benar Tuhan tentang damai akan dinyatakan.

* Sebilangan besar kumpulan-kumpulan misionari asing melayani di negara ini. Berdoalah agar benih-benih kebenaran yang telah ditabur oleh mereka akan menghasilkan buah.

Hari 22 | Kemerdekaan di Liberia

* Persatuan rahsia Poro dan Sande mengajar pemuda-pemudi mengejar “kuasa ghaib”. Berdoalah agar mereka yang terikat dalam persatuan-persatuan ini akan bebas dari ikatan kegelapan ini.

* Tarikh permulaan dan tamat bulan Ramadhan mencetuskan konflik setiap tahun. Berdoalah agar konflik ini akan menjadi masa di mana Injil dapat disampaikan.

* Gereja-gereja di sini tidak dilengkapi secukupnya untuk menjangkau orang-orang Muslim ataupun untuk melatih orang-orang yang baru percaya. Berdoalah untuk latihan praktikal bagi orang-orang Kristian dan juga bagi mereka yang baru percaya.

Berdoalah juga untuk ...

Kerja perubatan dan kebajikan di rantau Darfur adalah sangat penting buat ketika ini. Berdoalah bagi keselamatan

pekerja-pekerja yang melakukan kerja ini. Kemiskinan dan rasuah membawa kepada kehilangan pengharapan dan juga menggalakkan kegiatan rompak samun.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim